

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, June 25, 2019 3:12 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pengurusan Dan Penjagaan Kebersihan Penting Cegah Pembiakan Nyamuk Aedes



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

25 JUN 2019 / 21 SYAWAL 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

PENGURUSAN DAN PENJAGAAN KEBERSIHAN PENTING CEGAH PEMBIAKAN NYAMUK AEDES



UUM ONLINE: "Universiti bukan sekadar melihat pada anugerah tetapi yang paling penting pengurusan dan penjagaan kebersihan di UUM bagi mencegah pembiakan nyamuk Aedes," kata Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali yang mempengerusikan Pembentangan Laporan Anugerah IPT Bebas Denggi 2019 di Bilik Mesyuarat Naib Canselor, pagi tadi.

Beliau yang mewakili Naib Canselor berkata, UUM merupakan sebuah universiti yang unik dan merupakan universiti awam di Malaysia yang mana kesemua pelajar tinggal di asrama atau kolej kediaman.

Menurutnya, sekiranya pengurusan universiti gagal bebas denggi, UUM akan berdepan dengan satu bencana besar memandangkan kesemua pelajar tersebut tinggal di dalam kampus.

"Justeru, kita memandang serius usaha-usaha untuk melaksanakan aktiviti pembersihan menerusi Pusat Kesihatan Universiti (PKU) dan kerjasama pihak lain termasuk Inapan Siswa (INASIS) bagi memastikan tiada penyakit denggi menular dalam universiti ini.

"UUM juga menekankan inisiatif dari semasa ke semasa untuk meningkatkan usaha menjaga persekitaran tetapi bebas denggi kerana kini sudah tular isu demam Chikugunya yang berlaku di Alor Setar," katanya di hadapan panel audit Anugerah IPT Bebas Denggi yang diketuai Dr. Siti Fatimah Az-Zahra Mohd Hamdan dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Tambah Dr. Hendrik lagi, pihak universiti juga menggalakkan pelajar untuk tampil dengan idea atau cadangan untuk membantu universiti bagi memastikan UUM bebas denggi.

Katanya, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan antaranya penganjuran latihan kepada staf dan pelajar tentang cara pemusnahan tempat pembiakan nyamuk Aedes, menggunakan kekuatan sosial media untuk menyebarkan maklumat penting berkaitan penyakit tersebut dan mengadakan pertandingan video pendek bahaya denggi oleh pelajar.

"Kesemua usaha ini adalah demi memastikan UUM bebas denggi dan kita juga telah menubuhkan jawatankuasa penting di peringkat induk yang diketuai Naib Canselor, manakala di peringkat pelaksana diketuai saya sendiri," katanya.

Laporan Anugerah IPT Bebas Denggi 2019 telah dibentangkan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Dr. Massudi Mahmuddin bersama Pengarah PKU, Dr. Adi Azhar Abdul Razak.

Pada tahun lalu, UUM telah dinobatkan sebagai Johan Pertandingan Universiti Awam Bebas Denggi 2018.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.